

# Keng Yaik terus pegang jawatan dalam kerajaan

Um - 9/4/2007

KUALA LUMPUR 8 April - Parti Gerakan memberi sokongan padu kepada bekas Presidennya, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik untuk terus memegang jawatan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi sehingga tamat tempoh mandat kerajaan Barisan Nasional (BN) sekarang.

Perkara itu diumumkan oleh Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang pertama kali mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Parti Gerakan, hari ini.

"Jawatankuasa Pusat Parti Gerakan menetapkan untuk menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa Keng Yaik akan terus memegang jawatan menteri Kabinet bagi mewakili Gerakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kedudukan Keng Yaik sebagai menteri Kabinet yang mewakili Gerakan dalam kerajaan BN selepas mempengerusikan mesyuarat tersebut di sini.

Keng Yaik hari ini melepaskan

jabatannya sebagai Presiden Gerakan dan dilantik sebagai penasihat parti itu.

Persaraan Keng Yaik disahkan dalam Persidangan Perwakilan Kebangsaan Luar Biasa Gerakan yang meluluskan usul menerima persaraan beliau dan mengesahkan Tsu Koon, sebagai pemangku Presiden sehingga pemilihan parti akan datang.

Ditanya mengenai kedudukannya dalam kerajaan dan sama ada beliau akan mengekalkan jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, Tsu Koon memberitahu, perkara itu akan diputuskan pada masa akan datang.

"Mengetahui mengenai kedudukan jawatan saya dalam kerajaan sama ada akan mengekalkan jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang atau akan menjawat jawatan di dalam kerajaan Pusat akan ditentukan kemudian," katanya.

Tsu Koon juga mengumumkan bahawa wakil Gerakan di Majlis Tertinggi BN ialah beliau, Naib Presiden Datuk Chang Ko Youn dan Setiausaha Agung, Datuk Seri Chia

Kwang Chye.

Beliau menambah, barisan kepimpinan dalam parti tidak berubah tetapi tanggungjawab enam Naib Presiden akan terdapat sedikit perubahan memandangkan beliau yang juga Timbalan Presiden perlu memangku tugas-tugas Presiden.

Katanya, tugas-tugas parti akan dipikul secara bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin lain.

Tambah beliau, barisan kepimpinan yang ada sekarang akan memperkukuhkan lagi parti bagi memastikan ia dapat bergerak untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh parti.

"Mesyuarat hari ini juga menetapkan bahawa tidak akan berlaku sebarang perubahan pada polisi parti, ia akan dikekalkan bagi memantapkan lagi parti pada masa ini dan masa depan," katanya.

Ujarnya, Gerakan akan terus membantu memperkukuhkan BN bagi memastikan ia akan dapat meneruskan agenda pembangunan yang telah dirancang.